



اوتيم تكنولوجي مارا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Terengganu

Info

USAHAWAN

Usahawan Pemacu Ekonomi Mapan

Edisi 30

ISSN 1823-6421

BULETIN ADALAH HAK MILIK KEKAL MASMED UiTM CAWANGAN TERENGGANU

Salt Bae : Pencetus Kontroversi Serta Revolusi

Ahmad Marzuki Amiruddin Othman¹, Musmailina Mustafa Kamal², Nor Hafizah Abd Mansor³, Norfizah Othman⁴, Dr. Raja Adzrin Raja Ahmad⁵

^{1,2,3,4,5} Fakulti Perakaunan, UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, Segamat, Johor Malaysia

Emel Penulis: ahmad801@uitm.edu.my

Acara penutup Piala Dunia 2022 dicemari dengan kontroversi, apabila viral seorang chef ternama, Salt Bae, menyalahi undang-undang FIFA dengan mencerobohi padang serta memegang trofi kejuaraan Piala Dunia. Aksi tersebut menjadi kemarahan kepada Lionel Messi, bintang utama Argentina, yang langsung tidak mengendahkan ajakan Salt Bae untuk bergambar bersama-sama. Jutaan peminat bola sepak seluruh dunia turut lantang mengkritik kehadiran tetamu tidak diundang itu. Ini adalah kerana hanya pemain, bekas pemain serta pemimpin negara sahaja yang dibenarkan untuk menyentuh piala tersebut. Manakala Salt Bae langsung tidak ada kaitan dengan upacara penutup sukan paling popular itu. Akibat dari tindakan bodohnya, Salt Bae dilarang dari menyertai mana-mana edisi Piala Dunia seumur hidup. Walau bagaimanapun, tindakan berani beliau telah menyebabkan timbul kembali minat peminat seluruh dunia untuk mengenali usahawan serta bintang masakan tersebut. Siapakah figura yang dikenali sebagai Salt Bae?

Kemasyhuran usahawan Salt Bae, atau nama sebenarnya Nusret Gökçe, bermula semenjak dari tahun 2017 lagi, melalui sebuah video Instagram yang memaparkan beliau menabur garam ke atas masakan stik dengan cara beliau yang unik. Video viral tersebut mempunyai 17 juta tontonan seluruh dunia. Beliau juga mempunyai 30 juta pengikut di laman sosial. Dianggap sebagai tukang masak paling popular Turkiye, Salt Bae dianggarkan mempunyai sumber kekayaan sebanyak US\$75 juta menurut Wikipedia, Forbes dan IMDB).

Kekayaan beliau diperolehi dari rangkaian restoran beliau yang terletak di seluruh dunia. Bermula dari restoran stik Nusr-Et di Istanbul pada 2010, empayar perniagaan beliau dimajukan lagi dengan pembukaan sebanyak 9 lokasi di Turkiye, 37 restoran di Eropah serta 197 restoran merangkumi lokasi-lokasi di Amerika Syarikat, Doha dan Dubai serta seluruh dunia. Restoran beliau turut dikunjungi oleh aktor dan atlet terkemuka dunia, seperti David Beckham, Jason Statham dan Leonardo DiCaprio. Beliau turut mempunyai hartanah,

termasuk Los Angeles, California, Budapest. Vienna. Luxembourg, Paris dan tentunya di Turkiye, dengan nilai melebihi US\$35 juta. Di samping itu, kekayaan beliau turut meningkat hasil penulisan tiga buah buku masakan yang mendapat sambutan luar biasa.

Sejarah penglibatan Salt Bae dalam industri makanan bermula sebagai pemotong daging semenjak usia 13 tahun, sehingga gelaran pemotong daging atau 'The Butcher' terus melekat hingga kini. Dibesarkan di dalam persekitaran yang mementingkan keenakan masakan, keluarga Salt Bae telah lama terlibat dalam perniagaan berasaskan makanan semenjak 300 tahun lamanya. Hasil dari latar belakang keluarga, pengalaman, pembelajaran serta suntikan dana dari pelabur seperti Doğuş Group, populariti Salt Bae terus berkembang luas. Hasilnya, kekayaan beliau melonjak dari US\$48 juta pada 2017 ke US\$75 juta pada tahun 2022. Kini, Salt Bae dikenali sebagai antara tukang masak terbaik bagi masakan bercirikan Mediterranean, yang menampilkan gabungan masakan tradisional serta moden.

RUJUKAN:

- [1] https://en.wikipedia.org/wiki/Salt_Bae
- [2] https://www.instagram.com/nusr_et/?hl=en
- [3] <https://www.thesun.co.uk/sport/20867682/salt-bae-banned-event-world-cup-mbappe-messi/>

